

Legasi Muhammad untuk Dunia

Baginda memberi kita **Legasi** Kehidupan berkenaan **Kebenaran & Maruah, Rahmat & Moral, Keadilan & Keamanan**. Sesiapa yang mengikutinya menjadi insan yang **lebih baik**. Mana-mana masyarakat yang mengamalkannya akan **berjaya dengan harmoninya**.

Kitab Al-Quran & hadis

"Aku telah tinggalkan pada kamu Al-Quran & Sunnahku. Kamu tidak akan sesat selama berpegang kepada keduanya."

Sabda Muhammad (dalam) khutbah terakhir

Kebenaran & Maruah

Melalui Al-Quran, Muhammad (s.a.w.) membawa **kebenaran** dari Tuhan tentang **Ketuhanan**, tentang makna kehidupan, kepertanggungjawaban di alam selepas mati (akhirat) dan bagaimana untuk mencapai kebahagiaan di kehidupan ini dan kehidupan selepas mati. Kebenaran meningkatkan **maruah** kita, dan membebaskan kita dari kepercayaan dan amalan yang kolot.

Rahmat & Moral

Sunnah Muhammad (s.a.w.) memperincikan kemuliaan akhlaknya, keindahan adabnya dan kemurnian moralnya. Firman Allah: "Dan tiadalah Kami mengutuskan anda (wahai Muhammad) melainkan sebagai **rahmat bagi sekian alam**." [al-Quran 21:107]

Ikutlah baginda - kita akan mencapai **ketenangan** diri, ketenangan bersama orang lain, dan alam sekeliling.

Keadilan & Keamanan

Selaku pemimpin Madinah, Muhammad (s.a.w.) membina satu **model masyarakat** berdasarkan **kebebasan beragama, keadilan, kesamaan** dan **hak asasi**. Model ini contoh **ideal** untuk masyarakat majmuk hidup bersama dalam keamanan dan keharmonian.

Legasi Muhammad (s.a.w.) memberi jawapan kepada masalah dunia yang dihadapi, dan menjamin jalan keamanan dan kebahagiaan yang kami ingini.

"Barangsia yang mentaati rasul (Muhammad), maka dia telah mentaati Allah." [al-Quran 4:80]
"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu..." [al-Quran 3:31]

LEGASI MUHAMMAD

Ke arah Kehidupan yang Sempurna...

...diinspirasikan Muhammad (s.a.w.)

7 Ajaran Dari Nabi Muhammad

Kasih Sayang & Ihsan

"Tiada siapa akan benar-benar menjadi seorang yang beriman kecuali jika dia mencintai sesama manusia apa sahaja yang dia cintai untuk dirinya sendiri." [Bukhari]

Hentikan Perkauman

"Semua manusia adalah dari Adam. Tiada kelebihan seorang Arab ke atas seorang bukan Arab, mahupun seorang yang berkulit putih ke atas berkulit hitam dan sebaliknya kecuali atas ketaqwaan." [Tirmidhi]

Jadilah Pendamai

"Adalah lebih baik dari solat, puasa dan sedekah apabila seseorang mendamaikan satu perbalahan di antara dua pihak kerana perbalahan merosakkan masyarakat." [Tirmidhi]

Melindungi Bukan Islam

"Awaslah! Pada hari Kiamat, saya sendiri akan menentang sesiapa yang menindas dan menghalang hak seorang bukan Islam yang merupakan ahli di negara Islam serta menekannya dengan bebanan berlebihan atau mengambil darinya tanpa izinya." [Abu Dawud]

Menghormati Wanita

"Lelaki mempunyai hak ke atas wanita dan wanita mempunyai hak ke atas lelaki. Hendaklah memperlakukan wanita dengan baik kerana mereka adalah sahabat dan pembantu anda." [Tirmidhi]

Sayangilah Haiwan

"Satu kebajikan yang dilakukan kepada haiwan sama seperti satu kebajikan yang dilakukan kepada manusia. Manakala kejahanatan yang dilakukan kepada haiwan sama seperti kejahanatan kepada manusia." [Bukhari]

Memelihara Alam Sekitar

"Sekiranya seorang Islam menanam sepohon pokok atau mengembur satu ladang dan kemudian manusia, burung-burung dan haiwan mendapat manfaat darinya, dia benar-benar telah melakukan sedekah." [Bukhari]

Hanya Allah yang Mengetahui segalanya.
Oleh: Fatima Ebrahim Munshi (Terjemahan: Nini Yanti)


ISLAM ITU KEBENARAN

(s.a.w. selawat dan salam ke atasnya)

MUHAMMAD

Nabi yang terakhir

Legasi Kebenarannya,
Mesej Keadilan dan Keamanannya
terus menerus memberi inspirasi untuk
membina dunia yang lebih baik.





Maksud nama "Muhammad' ialah " Dia yang sangat terpuji."

Dimuliakan oleh berbilion-bilion orang yang mencintai & mengikutinya, dialah insan teragung. Kenali dan kagumi baginda!

Muhammad & Mesejnya

"Muhammad adalah utusan Allah dan nabi yang terakhir." [al-Quran 33:40]

Tuhan (Allah) memilihnya untuk menyampaikan **Al-Quran, wahyuNya yang terakhir.**

Para Nabi sebelumnya, termasuk Ibrahim, Musa dan Isa (a.s.), diutuskan hanya untuk kaum mereka.

Muhammad (s.a.w.) adalah **nabi sejagat** yang di utus oleh Allah kepada seluruh umat manusia.

Orang Islam tidak menyembah mahupun mengidolakan baginda. Beliau bukan pengasas agama Islam.

Kesemua para nabi sebelum baginda telah membawa **mesej Islam: "Sembahlah Allah dan menjauhi segala kejahanatan."** [al-Quran 16:36]

Sebagai **nabi terakhir**, misi Muhammad (s.a.w.) adalah untuk menyeru manusia **kembali kepada Islam.**

Kenapa tiada Nabi selepas Muhammad

Allah melakukan apa yang dikehendakiNya. Allah yang Maha Bijaksana memilih Muhammad (s.a.w.), seorang berbangsa Arab dalam tahun 610 Masehi, sebagai **nabi yang terakhir dan sejagat.**

Al-Quran daripada Allah mengandungi bimbingan Wahyu yang **lengkap** yang boleh dilaksanakan secara universal. Allah memberi jaminan untuk memelihara Al-Quran supaya ia **kekal tulen.**

Muhammad (s.a.w.) digelar "**Al-Quran yang hidup.**"

Sebagai pengamal Al-Quran yang terbaik, baginda merupakan **teladan paling sempurna** untuk dicontohi dalam kehidupan di dunia ini dan juga persediaan ke alam akhirat selepas mati.

Amalan kehidupan Muhammad (s.a.w.), iaitu "**Sunnah**", memberi panduan yang **ideal** untuk melaksanakan ajaran Al-Quran bagi kami dan masyarakat.

Melalui Al-Quran dan Sunnah, Muhammad (s.a.w.) menyampaikan ajaran Islam yang dibaharui, lengkap dan sempurna sebagai pedoman hidup untuk seluruh manusia sehingga akhir zaman.

Kesempurnaan tidak perlu susulan!

Insan yang Terhebat

Muhammad (s.a.w.) dilahirkan pada **570** Masehi di **Makah** (Tanah Arab) sebagai anak yatim. Misi kenabiannya bermula ketika umurnya 40 tahun sehingga kewafatannya pada tahun 632 Masehi. Allah memberi baginda tugas teragung: menyampaikan Islam kepada seluruh manusia. Selain daripada seorang **pemimpin rohaniah**, baginda juga seorang **ketua, pembaharu, pendamai, komander, tentera, suami, ayah, kawan** dan lebih lagi.

Baginda sentiasa rendah diri dan mengingati pengikutnya: "**Saya hanya hamba Allah dan RasulNya.**"



Satu testimoni kehebatan Muhammad (s.a.w.): Kenabiannya adalah diabadikan dalam syahada seorang Muslim apabila dia memeluk Islam:

"Tiada yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah Utusan Allah."

Mukjizat Terulung

Bagaimana dia menerima Wahyu

Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak pernah berbohong. Dari umur kecil, baginda dikenali sebagai "As Sadiqul Ameen" yang bermaksud "**yang bercakap benar dan dipercayai.**" Tiada siapa yang meragui integritinya.

Oleh itu, percayailah baginda.

Muhammad (s.a.w.) berkata dia menerima wahyu dari Allah dalam bentuk termasuk: • Komunikasi terus dengan Allah • Wahyu diterima daripada **Malaikat Jibril** yang datang kepadanya dalam bentuk lelaki

- Melalui inspirasi Ilahi

Al-Quran

Muhammad (s.a.w.) tidak menulis Al-Quran mahupun mampu membuat sedemikian. Baginda **buta huruf.**

Al-Quran merupakan satu **mukjizat** kerana: "...Tidak mungkin al-Quran ini dibuat-buat oleh selain Allah..." [al-Quran 10:37]

Al-Quran merupakan mukjizat **agung** yang diberikan kepada Muhammad (s.a.w.). Penjagaan yang rapi menyebabkan kandungannya **kekal tulen** sentiasa. Ia boleh dilihat, didengar, dibaca dan disampaikan dalam bentuk asalnya seperti mana ia diwahyukan kepada Muhammad (s.a.w.) lebih 1400 tahun yang lepas.

Al-Quran mukjizat yang kekal abadi!

Muhammad & Nabi-nabi yang Awal

Muhammad (s.a.w.) mengajar kita untuk **memuliakan kesemua nabi-nabi.** Baginda (s.a.w.) bersabda: "**Semua Nabi adalah bersaudara; mereka mempunyai ibu berlainan, tetapi Agama mereka Satu.**" [Bukhari]

Nabi Muhammad (s.a.w.) mengembalikan serta menyempurnakan panggilan sejagat Islam:



Baginda ada hubungan erat dengan tiga nabi-nabi.

Muhammad & Ibrahim

Muhammad (s.a.w.) merupakan seorang keturunan **langsung** dari Ibrahim melalui anaknya Ismail.

Muhammad (s.a.w.) membentuk semula kewajiban **Haji** ke Mekah yang memperingati ketaqwaan Ibrahim.

Dia mengajar setiap Muslim untuk menyaksikan, di dalam ibadat solat, **rahmat Allah** kepada Ibrahim dan keluarganya yang termasuk **bangsa Arab** dan **Yahudi.**

Muhammad & Musa

Muhammad (s.a.w.) memberitahu pengikutnya: "Jangan kata saya lebih hebat dari Nabi Musa." [Bukhari] Baginda juga berkata: "Jika Musa masih hidup hari ini, dia akan mengikuti saya." [Ahmad]

Muhammad & Isa Al-Masih

Muhammad (s.a.w.) bersabda: "Saya adalah orang yang paling rapat dari semua orang kepada Isa, anak Maryam, kerana tiada nabi dihantar di antara kita." [Bukhari]

Oleh itu, Isa merupakan **nabi kedua terakhir** dan **perintis** kepada Muhammad (s.a.w.) yang di utus 600 tahun selepasnya.

Muhammad dalam Kitab Awal

Al-Quran menyebut kedatangan Nabi terakhir, Muhammad (s.a.w.), telah diramal dalam **Kitab Taurat asal Musa** [al-Quran 7:157] dan dalam **Kitab Injil asal Isa.** [al-Quran 61:6]

Kitab wahyu yang terdahulu sama ada telah hilang atau diubah. Namun, ada terdapat beberapa kebenaran di dalam versi kitabnya masa kini. Para ulama yang membuat kajian telah menjumpai banyak rujukan menunjukkan kebenaran Muhammad (s.a.w.), nabi yang ummi (tidak mampu membaca dan menulis).